

Newspaper	Berita Harian
Date	4 June 2015

Semua negeri nikmati kemajuan negara: PM

» Kerajaan tumpu pedalaman, luar bandar pastikan pembangunan seimbang

Oleh **Hardi Effendi Yaacob**
hardi@bh.com.my

► **Kuching**

Datuk Seri Najib Razak berkata, tiada negeri di Malaysia akan dibiarkan ketinggalan dalam mengecapi nikmat kemajuan negara.

Malah, Perdana Menteri menyatakan iltizamnya untuk memastikan pembangunan seimbang di semua negeri,

khususnya di Sabah dan Sarawak dengan penumpuan di kawasan pedalaman serta luar bandar.

“Dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), mana-mana wilayah atau kawasan yang kita didapati kurang pembangunan diberikan keutamaan dan lebih peruntukan bagi memastikan tidak berlaku jurang ketara.

“Di Sarawak misalnya, kita memberikan keutamaan kepada Projek Lebuh Raya Pan Borneo... kita bersyukur kerjasama pembinaannya akan dimulakan tidak lama lagi. Malah, sebelum datang ke sini, saya meminta Ketua Setiausaha Negara (Tan Sri Dr Ali Hamsa) dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Tan Sri Irwan Siregar Abdullah) agar menyelesaikan segera segala urusan berkaitan proses perjanjian

kerana ini janji saya pada rakyat Sarawak,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Makan Malam Gawai Dayak 2015 di Dewan Persatuan Kebangsaan Dayak Bidayuh (DBNA), di sini malam tadi.

Yang turut hadir Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, Datuk Amar Mohamad Asfia Awang Nassar.

Penuhi aspirasi rakyat

Najib ketika mengulas lanjut, berkata penyaluran bantuan besar itu, khusus bagi tujuan penyediaan pelbagai infrastruktur perhubungan bukan hanya disebabkan negeri adalah ‘simpanan tetap’ Barisan Nasional (BN), sebaliknya ma-

hu memenuhi aspirasi rakyat Sarawak dalam mengejar kemajuan.

“Kerajaan Persekutuan akan terus membantu merealisasikan matlamat negeri ini untuk muncul sebagai negeri maju berpendapatan tinggi. Kita yakin dengan keupayaan kepimpinan negeri ini dalam mencapai sasaran itu. Potensi Sarawak amat besar dan kita akan terus memastikan negeri ini berjaya dalam Malaysia,” katanya.

Najib yang dalam rangka lawatan dua hari ke Sarawak turut menghargai sokongan rakyat negeri terhadap kepemimpinan beliau, malah menganggapnya sebagai penyuntik semangat untuk terus menerajui pentadbiran negara.

Sementara itu, Najib dalam catatan terkini di akaun Facebook dan Twitter mengarahkan menteri dari Sarawak untuk memantau kemajuan pemberian hak milik Tanah Hak Adat Peribumi (NCR) kepada Bumiputera di negeri itu.

Dalam catatannya, Perdana Menteri berkata: “Tidak ada sesiapa yang boleh mempersoal hak kelahiran Bumiputera Sarawak”.

BH-4/6/2015